

## **Kod Etika Pengambilan Semula Hakmilik**

[English](#) Bahasa Malaysia

- i. Seboleh-bolehnya, jumlah penarik-penarik semula hakmilik yang dibenarkan hendaklah kecil melainkan keadaan memerlukan bantuan tambahan.
- ii. Penarik-penarik semula hakmilik hanya boleh memasuki kawasan tempat tinggal (premis) dengan pengetahuan dan kebenaran penghuni.
- iii. Penarik-penarik semula hakmilik hendaklah bersopan dan berpakaian kemas. Mereka harus mengekalkan tahap profesionalisma dan kewibawaan dalam menjalankan tugas mereka.
- iv. Penggunaan tektik ganas (kekasaran) dalam apa jua bentuk adalah dilarang semasa menjalankan tugas mereka.
- v. Semasa mengambil semula milik, penarik-penarik semula hakmilik dimestikan mengemukakan notis kepada penyewa dan memaklumkan perkara-perkara berikut:-
  - a. Alamat dan nombor telefon syarikat kewangan dan pegawai yang diberi kuasa untuk dihubungi segera bagi menyelesaikan apa-apa masalah.
  - b. Penarik-penarik semula hakmilik sesebuah kenderaan perlu memberi masa yang berpatutan kepada penyewa untuk memeriksa kenderaan dan mengeluarkan barang-barang kepunyaannya.
- vi. Seboleh-sebolehnya, penarik-penarik semula hakmilik hendaklah dijalankan dihadapan penyewa atau sesiapa yang dibenarkan membawa kenderaan tersebut.
- vii. Penarik-penarik semula hakmilik hendaklah pada bila-bila masa mengambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia terpakai.
- viii. Semua penarik-penarik semula hakmilik perlu diberi salinan dan diberi taklimat mengenai Kod Etika Pengambilan Semula Hakmilik ini oleh syarikat yang memberi pinjaman dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Mereka perlu juga mematuhi mana-mana Kod Etika yang diperkenalkan dari masa ke semasa oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Bell Malaysia, Persatuan Syarikat-Syariklat Kewangan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

[back to top](#)